

“Sebanyak mana
saya melihat
salib, begitu
kerap saya akan
mengampuni
dengan sepenuh
hati saya”

Santa Faustina



Ayat Suci
Minggu ini:

Keluaran 20: 1-17

Mazmur 18: 8-11

1 Korintus 1: 22-25

Yohanes 2: 13-25

memberikan mereka satu: TubuhNya sebagai Bait – yang akan dimusnahkan dan dibina semula dalam tiga hari. Kata-kata Yesus digenapi oleh KebangkitanNya.

Prapaskah memberi kita peluang untuk bertemu dengan Yesus dan menghidupkan kembali Misteri Paskah, khususnya dalam liturgi. Pada Minggu ke-3 ini, bacaan pertama membawa kita kepada petikan Sepuluh Hukum yang abadi. Ini adalah set undang-undang yang Allah berikan kepada umatNya. Dari masa ke masa, ketegaran menguasai hari kerana mustahil bagi orang untuk mengikuti prinsip undang-undang dan mematuhiinya. Tersandung pada satu sahaja menjadikan seseorang bersalah kerana melanggar kesemuanya. Kekotoran moral mencemarkan umat Allah, dan kita melihat sedikit sebanyak kekotoran itu apabila Yesus berhadapan dengan para pedagang dan penukar wang dalam pembersihan bait suci.

Hari ini, Tuhan mahu membersihkan kita juga. Walaupun Sepuluh Hukum berfungsi sebagai kompas, kita mempunyai Tuhan mentakrifkan semula mereka, dan memberikan Roh Hukum yang tertinggi apabila Dia berkata, 'Kasihilah Tuhan, Allahmu dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap akal budimu.' Ini adalah perintah yang pertama dan terbesar. Dan yang kedua adalah seperti itu: 'Kasihilah sesamamu manusia seperti dirimu sendiri.' Semua hukum Taurat dan kitab para nabi bergantung pada kedua perintah ini.' (Matius 22:37-40)


Dalam konteks kasih, tali Tuhan adalah Belas Kasih! **Marilah kita membenarkan Tuhan menggunakan tali belas kasihNya untuk membersihkan dan menyucikan kita.** Kita mohon rahmat untuk mengubah sesuatu yang kurang daripada Allah menjadi sesuatu yang lebih daripadanya, sedikit demi sedikit. Janganlah kita meminta tanda-tanda tetapi memberitakan Kristus yang disalibkan, kerana hanya di dalam Dia kita akan beroleh hidup yang kekal. ✚

Diterbitkan oleh: Archdiocesan Pastoral Institute (API) | Emel: api@archkl.org

NEW WAY OF BEING CHURCH

3 Mac 2024
Hari Minggu Prapaskah ke-3
newbec ✚

G A R A M D A N T E R A N G D U N I A :
MERAYAKAN, MENDENGAR DAN BERJALAN BERSAMA DALAM SEMANGAT PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI (Matius 5:13-16)



Tali Allah Adalah Belas Kasih

Yesus melakukan tindakan berani dengan menterbalikkan meja para pedagang dan penukar wang di Bait Suci. Dia menuduh bahawa rumah BapaNya telah dijadikan pasar. Naratif Yohanes tentang pembersihan Bait menunjukkan perpecahan antara Yesus dan pihak berkuasa Yahudi. Dan kejadian ini memberi peluang kepada para pemimpin untuk menentangNya. Mereka menuntut satu tanda untuk membuktikan kuasaNya dan Yesus